

BizWanita-i

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah definisi “Wanita” sebagai memenuhi kelayakan untuk skim pembiayaan ini?	Syarikat atau perniagaan yang mana sekurang-kurangnya 51% pegangan saham dimiliki oleh wanita dan pembuat keputusan utama adalah seorang wanita.
2	Apakah kelayakan asas bagi sesebuah perniagaan/ pendaftaran perniagaan?	Syarikat / perniagaan dikehendaki mengemukakan kesahihan dengan memenuhi salah satu dari keperluan di bawah: 1) Perniagaan/ Syarikat adalah berdaftar dengan Akta Syarikat 1965/ Akta Pertubuhan 1966/ Akta Koperasi 1993/ Akta Pendaftaran Perniagaan 1956/ badan-badan professional; atau 2) Bekerja sendiri/ Perusahaan mikro adalah dikehendaki membuktikan pendaftaran perniagaan yang sah dan/ atau lesen perniagaan. Jika pendaftaran tersebut tidak dapat dikemukakan, surat daripada pihak berkuasa berkaitan yang dapat mengesahkan pembabitan individu tersebut di dalam perniagaan adalah diterima.
3	Apakah kelayakan umur bagi penyerahan permohonan?	Kelayakan umur adalah 21-60 (pada masa penyelesaian penuh bayaran ansuran) untuk Individu, Pemilikan Tunggal dan Perkongsian.
4	Apakah lingkungan jumlah pembiayaan bagi skim ini?	Pembiayaan berjangka di antara RM20,000 hingga RM300,000.
5	Apakah tempoh pembiayaan maksimum?	Tempoh maksimum sehingga 7 tahun.
6	Apakah kadar keuntungan bagi pembiayaan ini?	Kadar semasa Maybank Islamic KPA + 0.20% hingga KPA + 1.65% berdasarkan penilaian kredit. <i>*KPA: Kadar Pembiayaan Asas</i>
7	Apakah prinsip Syariah di dalam skim permbiayaan Islam?	Prinsip Syariah bagi BizWanita-i adalah Komoditi Murabahah.
8	Apakah dokumen sokongan wajib untuk penyerahan permohonan?	Berikut adalah dokumen sokongan wajib (berikut adalah tidak lengkap di mana lebih dokumen akan diperlukan untuk tujuan penilaian kredit): 1) Salinan kad pengenalan yang diperakui sah bagi Pemohon/ Rakan niaga/ Pengarah/ Ahli Jawatan Kuasa/ Ahli Lembaga; dan 2) Salinan lesen dari pihak berkuasa yang diperakui sah/ pendaftaran perniagaan dari ROS/SKM/SSM/ sijil pendaftaran syarikat & Memorandum tataurusan pertubuhan & Borang 24, 44, 49 terkini & Resolusi lembaga pengarah yang membenarkan permohonan pembiayaan; dan 3) Salinan yang diperakui sah untuk Borang B atau J terkini/penyata EPF/ akaun pengurusan/ akaun yang telah di audit/ 6 bulan penyata akaun simpanan atau semasa.

9	Apakah dokumen sokongan lain yang diperlukan untuk mengesahkan kelayakan “usahawan wanita” dan apakah dokumen tersebut wajib disertakan?	<p>Pengesahan bagi kelayakan perlu dilaksanakan oleh pegawai pemprosesan di cawangan sekiranya dokumen sokongan tidak disertakan semasa penyerahan permohonan. Walaubagaimanapun, pemohon adalah dikehendaki menyediakan dokumen sokongan berikut semasa penyerahan permohonan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Resolusi lembaga pengarah bagi pelantikan Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif.
10	Apakah minimum modal perniagaan yang diperlukan?	Minimum modal perniagaan/ modal berbayar sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pembiayaan atau RM10,000 (yang mana tertinggi).
11	Apakah akaun bank yang diperlukan untuk proses pengeluaran pembiayaan ke dalam akaun perniagaan/ syarikat saya?	Akaun semasa Maybank Islamic di bawah nama perniagaan/ Syarikat/ Individu.
12	Apakah cara pembayaran untuk ansuran bulanan?	Cara pembayaran adalah melalui Arahan Pembayaran dengan Maybank Islamic Bhd.
13	Dimanakah permohonan untuk BizWanita- <i>i</i> ini boleh dihantar?	<p>Pemohon boleh menghantar permohonan bersama dengan dokumen sokongan yang diperlukan kepada cawangan CGC di seluruh Malaysia. Untuk senarai cawangan sila layari https://www.cgc.com.my/cgc-branches/</p> <p>Untuk keterangan lanjut, pemohon boleh menghubungi pusat perkhidmatan pelanggan di talian 03-7880 0088.</p>